

# RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

Persekutuan Asia – Perancis ( al-Jamiah al-Sawiyat al-Fransiyyat) telah terkejut dengan gembira melihat hakikat

kebenaran telah terserlah nyata di dalam buku “Susunan Alam dan Penduduknya” (Nazam al- alam wal-am) karangan Al-Alamah Syeikh Tantawi Johari. Oleh yang demikian maka persekutuan tersebut telah menyiaran sebuah makalah yang bernaas dalam majalah rasminya keluaran bulan Januari dan Februari 1908 sebagai mengulas dan memandang tinggi kepada buah fikiran Syeikh Tantawi yang berhikmat itu. Persekutuan itu terdiri daripada ahli-ahli pengetahuan, pendeta-pendeta dan jaguh-jaguh falsafah seperti : (1) Mesio Farbih Minar, (2) A.Farta, (3) R. Fasi, (4) Syaqayah, (5) Clevmont Chano, (6) Halqi, (7) Hepharit, (8) Masfiro, (9) Rebenis Rifa, (10) Sitar, dan lain-lainnya,

(oleh Abdullah Basmeh)

tafsir yang ada ini? ...”

Tatkala al-Alamah Tantawi sampai kepada mentafsirkan ayat “(ayat Al-Quran)” (sesungguhya kami telah turunkan ayat-ayat (keterangan-keterangan) yang memberi penjelasan yang terang nyata ...) maka beliau berkata: “Keterangan-keterangan Al-Quran telah jelas dengan sangat-sangat nyatanya diketahui oleh orang-orang Barat pada hari ini. Saya akan menjelaskan di sini dengan dua hantaran . . . “Lalu diterangkan hantaran yang pertama bertajuk: “Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada bahasa, ilmu pengetahuan, masyarakat, dan akhlak, oleh kerana maudhuk ini terlalu panjang maka saya akan jadikan sebuah makalah khas dan akan disiarkan kelak.

Kaya Al-Alamah Tantawi lagi: “ Hantaran yang kedua ialah siaran “Majalah Asia – Perancis, (al-Majalah al-Sawiyat al-Fransiyyat) yang mengandungi pengakuan ahli-ahli pengetahuan Barat bahawa agama Islam ialah agama semula jadi bagi seluruh manusia tatkala majalah itu mengulas buku kita “Susunan Alam dan Penduduknya”. Saya memilih menurunkannya disini ialah kerana mengucap syukur kepada Allah Subhanahu wa Taala atas limpah kurnia-Nya yang besar itu ...”

Pada hal semasa itu saya belum lagi menyusun kitab tafsir bagi Al-Quran yang suci mulia. Maka tidakkah sepatutnya saya memuji Tuhan Azza wa Jalla yang telah melanjutkan umur saya sehingga dengan topiknya dapat saya menyusun

Tulisan Al-Alamah Tantawi ini telah tersunting di dalam kitab tafsirnya jilid yang kedua belas yang telah dicetak di Mesir pada tahun 1928 iaitu dua puluh tahun kemudian daripada siaran majalah Perancis tersebut.

Di bawah tajuk – “Al-Syeikh Tantawi Johari dan bukunya – susunan alam dan penduduk” maka majalah itu telah menulis :

“Buku (Susunan Alam dan Penduduknya) ialah salah satu daripada buku-buku yang telah dikarang oleh Al-Alamah Tantawi untuk orang-orang Islam yang berjiwa baru. Buku ini ialah penggal yang pertama tebalnya 431 muka dan dicetak di Mesir pada tahun 1905. Buku ini dibentuk atas dua aliran – pertama , menjelaskan bahawa agama Islam ialah agama semula jadi (*din al-fitrah*) yang sesuai dan dipersetujui oleh akal fikiran dan tabiat manusia. Kedua, bahawa agama Islam mendesak dan mendorong pemeluk-pemeluknya pada membongkar dan mengetahui segalam jenis ilmu pengetahuan dan segala undang-undang alam yang meliputi dunia ini.”

Setelah mengulas kandungan buku itu satu persatu maka majalah ini telah berkata :

“Daripada apa yang disebutkan itu maka nyatalah keterangan-keterangan yang telah dihuraikan oleh Al-Alamah Tantawi itu

mengandungi hikmat-hikmat yang tinggi, ilmu yang luas, dan kebolehan yang sempurna pada mentafsirkan Al-Quran sebagai menetapkan perpaduan yang sempurna di antara segala jenis ilmu pendapatannya baru dan makna-makna yang telah diisyaratkan oleh kitab suci Al-Quran.

“Dengan berterus terang Al-Alamah itu telah menyebut (muka 61) bahawa barangsiapa mengetahui akan tafsir Al-Quran dan ilmu-ilmu kemajuan pandapatannya baru (al-ulum al-asriah) dan orang itu tidak menyatakan kepada orang ramai akan perpaduan keduanya dan tidak memberi pengertian kepada mereka itu akan hakikat yang demikian itu maka sesungguhnya ia telah sangat-sangat berdosa, kerana orang-orang Islam sangat-sangat berhajat penerangan yang demikian itu ... lalu beliau berharap supaya benih sifat-sifat kelebihan Islam itu disemaiakan di dalam otak orang-orang Islam dengan usaha yang bersungguh-sungguh dan sempurna sehingga angkatan baru Islam dapat menjauhkan diri daripada segala apa yang telah dipaksakan oleh tamadun barat (yang buruk) kepada orang-orangnya dan daripada keburukan-keburukan yang terbitnya daripada memberikan hawa nafsu yang bermaharajalela.

“Kami – kata ahli-ahli pengetahuan barat tersebut – amat memandang tinggi dan mengakui kelebihan al-Syeikh Tantawi sebagai seorang yang berpengetahuan luas dan bijaksana. Lihatlah bagaimana ianya telah mendatangkan keterangan-keterangan yang tersedemikian falsafah yang tinggi dan bersedemikian undang-undang alam serta berbagai-bagi pengetahuan Arab (Islam) lalu dijelaskan dengan kemahiran yang handal dan keterangan-keterangan yang berharga ... bukan kehormatan kami kepada al-Alamah itu kerana apa yang telah disebutkan itu sahaja tetapi kerana beliau juga telah menterjemahkan buah fikiran ahli-ahli pengetahuan Inggeris seperti “Lord Avebury” “Spencer” dan “Darwin” dan juga kerana huraiannya dalam bahagian falsafah Greek dan lainnya, serta usaha pada mengumpulkan pati segala pengetahuan yang terbit dalam seluruh peringkat masa yang berlain-lain itu yang kesemuanya ini telah dikumpulkan didalam sebuah buku dengan keterangan-keterangan yang indah dan tepat seperti kami sebutkan itu ....

“Al-Alamah Syeikh Tantawi Johari ialah seorang ahli falsafah sebagaimana ianya seorang ahli agama yang terbilang dengan kedua-dua sifatnya yang tersebut maka beliau telah mentafsir Al-Quran dengan menunjukkan keterangan-keterangan yang tepat bahawa agama Islam itu ialah agama semula jadi yang sesuai bagi seluruh manusia yang bersetuju dan sejalan dengan segala hakikat ilmu pengetahuan dan undang-undang alam dan sepenuhnya. Pendapatannya ini bersalahan dengan setengah ulama Islam yang hanya mereka terhenti kepada kulit-kulit dan berpegang kukuh dengan tidak bergerak-gerak kepada nama-nama sahaja, yang berakhir telah membawa kepada kejatuhan kecerdasan pengetahuan Islam didalam masa yang kebelakangan ini dan dengan itu jatuhlah pula umat Islam.

“Bacaan-bacaan dan keterangan-keterangan yang telah difikirkan oleh Al-Alamah Tantawi adalah ditujukan kepada seluruh umat Islam dan kepada pencinta-pecinta ilmu pengetahuan dari segala bangsa dan agama yang gemar menyiasat akan hakikat kebenaran. Ia selama-lamanya berdaya upaya hendak menghilangkan kabus yang menutupi mata orang-orang Islam dan hendak memerdahikakan akal fikiran mereka daripada keadaan kaku beku yang meliputinya... bahasan-bahasannya am meliputi seluruh alam dan seruan-seruannya alam sehingga dikehendakinya dunia timur mundur dunia barat dalam segala jenis ilmu pengetahuan dan kemajuan tamadun”. Kata majalah itu menutup ulasannya.

(Majalah yang akan datang akan menyiaran rencana majalah “Panji Islam” medan tatkala majalah itu meratapi kematian almarhum Al-Alamah Tantawi Jauhari. Rencana tuan Lutfi Jumaat yang tersiar dalam majalah kalam bilangan 10 yang lalu telah diturunkan dari akhbar “Al-Balagh” keluaran 25 November 1929 bukannya dari “Al-Haram” seperti yang telah disebutkan itu.)

---

Sesungguhnya hak itu berat tetapi baik kesudahannya; dan batil itu ringan tetapi buruk kesudahannya.

---

----- \* -----  
Manusia yang sangat kurang akalnya ialah mereka yang menganiayai orang-orang yang lemah daripadanya.